

Nama Suratkhobar : Utusan Malaysia (Segmen Dalam Negeri)

Tarikh : 13 April 2015 (Isnin)

Mukasurat : 22

Generasi muda perlu faham sejarah negara - Kay Kim

Utusan Malaysia (Dalam Negeri)
- 13 April 2015 -
13/4/15: p 22

KUALA LUMPUR 12 April - Kementerian Pendidikan digesa merangka kaedah pengajaran dan pembelajaran berkesan dalam mata pelajaran Sejarah di sekolah bagi melahirkan generasi muda yang tidak buta terhadap sejarah negara.

Pakar sejarah, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim berkata, selain Sains dan Matematik, subjek Sejarah juga penting untuk dipelajari demi masa depan negara bagi mengelak masyarakat hari ini mengulangi kesilapan masyarakat terdahulu.

"Tidak ramai generasi muda yang berminat mempelajari mata pelajaran Sejarah kerana kebanyakannya mereka menganggap subjek tersebut bosan dan tidak penting, tetapi realitinya dengan sejarah, generasi muda dapat mengenal asal-usul kemunculan tulisan, bandar, sistem pemerintahan dan sebagainya.


"Dengan mempelajari sejarah, masyarakat khususnya anak muda dapat mengetahui latar belakang

dan pembentukan negara sendiri," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bertitah, rakyat menolak golongan yang melanggar sempadan adat dan adat yang dipelopori individu dan organisasi yang disifatkan sebagai buta huruf terhadap sejarah negara.

Titah baginda, perbuatan mahu menyetepikan adat sehingga memijak adat semakin ketara oleh mereka yang longgar pegangan adat dan kosong fahaman adabnya.

Ini kerana, golongan itu mempunyai pengetahuan cetek tentang tamadun bangsanya, minda budaya pelarian dan minda terapung-



KHOO KAY KIM

apung serta tidak ada akar budaya sehingga melanggar adat dan menyisihkan adat.

Mengulas lanjut kata Kay Kim, golongan yang longgar pegangan adat dan kosong fahaman adabnya digalakkan mengkaji Perlembagaan negara yang merupakan sumber rujukan kepada semua perkara termasuk sistem pemerintahan, perundangan, kedudukan dan hak

sosioekonomi rakyat Malaysia.

"Sebab itulah, penting untuk masyarakat mempelajari sejarah negara sendiri seperti mengenal dan memahami Rukun Negara yang kedua dan ketiga, iaitu memupuk kesetiaan kepada raja dan negara serta memahami keluhuran Perlembagaan," katanya.